

Aduan majikan tak bayar gaji, lewat paling banyak diterima

JITRA – Sebanyak 34 peratus atau 5,928 daripada 17,091 aduan menerusi aplikasi Working For Worker (WFW) melibatkan kes gaji yang tidak dibayar dan pembayaran lewat gaji.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Awang Hashim berkata, daripada aduan tersebut yang direkodkan sehingga kelmarin sebanyak 16,562 kes diambil tindakan, manakala selebihnya menunggu pemeriksaan (siasatan), pengesahan dan verifikasi.

“Sebanyak 18 peratus atau 2,974 kes pula merupakan aduan mengenai majikan tidak membekalkan bekalan dari rumah terutama ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Kita juga menerima aduan terdapat 10 peratus atau 1,651 kes kerana potongan upah tidak mengikut undang-undang,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan sijil pada Majlis Konvokesyen Ke-25 Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia di sini semalam.

Mengulas lanjut, Awang berkata, daripada jumlah aduan itu se-



AWANG HASHIM (dua dari kiri) menyampaikan sijil kepada graduan pada Majlis Konvokesyen Ke-25 Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia di Jitra semalam.

banyak 1,390 kes atau lapan peratus aduan membabitkan pekerja dibuang kerja tanpa notis.

“Sebanyak 1,369 kes atau lapan peratus adalah tiada pembayaran kerja lebih masa dan faedah pemberhentian. Bagi aduan ini ada yang kita buka kertas siasatan, dikompaun dan ada kita panggil majikan supaya dibayar balik berdasar aduan,” jelasnya.

Sementara itu, Awang mem-

beritahu, pada majlis konvokesyen itu, seramai 802 graduan ILP Jitra dan ILP Kangar, Perlis menerima sijil mereka semalam.

Graduan terbabit adalah lulusan bidang Teknologi Penyejukan dan Penyaman Udara, Automotif, Kenderaan Perdagangan Berat, Plastik, Elektrik, Kimpalan dan Penyenggaraan Mekanikal, Mekatronik, Fabrikasi Logam serta Pembuatan (Pemesinan).